

KEPELBAGAIAN GAYA PEMBELAJARAN DAN HUBUNGANNYA DENGAN PENCAPAIAN PELAJAR DALAM MATA PELAJARAN PRINSIP PERAKAUNAN

AZFARIZA BINTI ABDUL RAHIM

PROJEK (MOD A) DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEHI IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN

**FAKULTI PERNIAGAAN DAN EKONOMI
UNIVERSITI SULTAN IDRIS**

2007



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

PENGAKUAN

Saya mengaku disertasi ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang setiap satunya saya jelaskan sumbernya.

9 April 2007

AZFARIZA BINTI ABDUL RAHIM

M20041000130



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

PERAKUAN PENYELIA

Kertas projek yang bertajuk “ Kepelbagaian Gaya Pembelajaran dan Hubungannya dengan Pencapaian Pelajar dalam Mata Pelajaran Prinsip Perakaunan” oleh Azfariza binti Abdul Rahim merupakan sebahagian daripada syarat untuk memenuhi keperluan bagi Ijazah Sarjana Pendidikan (Perakaunan) di Fakulti Perniagaan dan Ekonomi, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjong Malim, Perak.

Diluluskan oleh:



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi


.....
En. Ibrahim bin Tamby Chek
Fakulti Perniagaan dan Ekonomi
Universiti Pendidikan Sultan Idris
(Penyelia/Pemeriksa)

9 April 2007



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

PENGHARGAAN

Pertama sekali, segala puji bagi Allah S.W.T pencipta alam. Selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad S.A.W serta sahabat-sahabat baginda. Alhamdullilah, dengan izinNya saya dapat menyempurnakan disertasi ini walaupun banyak dugaan, rintangan dan halangan yang terpaksa ditempuhi.

Setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih yang tidak terhingga, saya tujuhan khas untuk **En.Ibrahim bin Tamby Chek** selaku penyelia, di atas segala bimbingan, tunjuk ajar dan dorongannya dari awal sehingga berhasil disertasi ini. Saya juga amat menghargai segala tunjuk ajar dan ilmu yang diperturunkan oleh pensyarah-pensyarah Fakulti Perniagaan dan Ekonomi kepada saya, khususnya yang mengajar saya pada sessi 2004 – 2007.

Terima kasih juga dirakamkan kepada rakan-rakan seperjuangan Fakulti Perniagaan dan Ekonomi yang turut memberi bimbingan dan tunjuk ajar, semangat dan dorongan semasa proses penyediaan disertasi ini terutama **Cik Loo Kam Lin**.

Ribuan terima kasih juga diucapkan kepada pihak-pihak yang telah memberi kerjasama dan laluan yang cukup mudah sepanjang saya menjalankan kajian iaitu Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan, Jabatan Pendidikan Daerah Kinta, pengetua-pengetua sekolah yang terlibat, guru-guru dan pelajar-pelajar yang bertindak sebagai responden.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbuspi

Ucapran terima kasih teristimewa saya dedikasikan kepada bonda tersayang Pn. Hajah Zainun bt. Salleh, adik-beradik saya, Aznan, Azma, Azua, Azhan dan Azaira juga ditujukan khas kepada En. Azizan bin Abd. Aziz atas dorongan, galakan dan sokongan yang tidak berbelah bahagi agar saya dapat menukarkan hasil disertasi ini.

Akhir sekali, ucapan terima kasih kepada semua yang terlibat di dalam penghasilan disertasi ini sama ada secara langsung atau tidak langsung.

AZFARIZA BINTI ABDUL RAHIM
Fakulti Perniagaan dan Ekonomi
Universiti Pendidikan Sultan Idris
Tanjong Malim, Perak Darul Ridzuan

9 April 2007



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbuspi

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk meninjau kepelbagaiannya dalam gaya pembelajaran. Fokus kajian ini ialah kepelbagaiannya dalam gaya pembelajaran dan hubungannya dengan pencapaian pelajar dalam mata pelajaran Prinsip Perakaunan di daerah Kinta, Perak. Instrumen kajian yang digunakan ialah Inventori Gaya Pembelajaran Kolb (1984). Inventori Gaya Pembelajaran Kolb mengidentifikasi empat jenis domain gaya pembelajaran iaitu diverger (CE/RO), assimilator (AC/RO), konverger (AC/AE) dan akomodator (AE/CE). Sampel kajian ini terdiri daripada 277 pelajar daripada 7 buah sekolah di daerah Kinta, Perak. Data yang dipungut, diproses dan dianalisis menggunakan Pakej Statistik Untuk Sains Sosial Versi 11.0. Penganalisisan data menggunakan ujian-t, ANOVA sehala, ujian Post-Hoc LSD, frekuensi, min, sisihan piaawai dan Korelasi Pearson. Dapatkan kajian ini menunjukkan gaya pembelajaran diverger adalah dominan di kalangan pelajar-pelajar Prinsip Perakaunan ($\text{Min}=2.7690$, Sisihan Piaawai=0.43190). Hasil kajian menunjukkan tidak wujud hubungan di antara gaya pembelajaran dengan pencapaian pelajar. Tidak wujud perbezaan min yang signifikan berdasarkan jantina, jurusan pengajian dan pendapatan keluarga kecuali jenis sekolah dan etnik. Kesimpulannya, tidak terdapat gaya pembelajaran yang benar-benar unggul bagi membantu pencapaian pelajar. Sebaliknya, prestasi pencapaian pelajar akan meningkat jika mereka seronok belajar dan boleh menggunakan cara tersendiri yang paling berkesan untuk belajar.



05-4506832



ABSTRACT

The purpose of this study was to investigate students' learning styles. The research focused on the relationships between learning styles and student outcomes in Accounting in Kinta District, Perak. The research instrument used was a set of questionnaire adapted from Kolb's Learning Styles Inventory (1984). Kolb's Learning Styles Inventory identified four learning style domains, including divergent (CE/RO), assimilative (AC/RO), convergent (AC/AE) and accommodative (AE/CE). A total of 277 students from 7 secondary schools in Kinta District became the samples in this study. Data obtained were processed and analyzed by using the Statistical Package for Science (SPSS), version 11.0. The results obtained were derived from frequency analysis, means, standard deviations, T-test, one-way ANOVA, LSD Post-Hoc Test and Pearson Correlations. The results showed the diverging learning style was the most dominant and preferred style among the Accounting students (Means=2.7690, Standard Deviations=0.43190). Pearson Correlations analysis showed the relationship between learning styles and student outcomes was not significant. The research findings showed that there were no significant differences with regard to learning styles across various factor, such as gender, students from different streams and parents' income; except students from different school and ethnic. In conclusions, students' outcomes were not affected by different learning styles. Conversely, students would achieve better performance with their preferred learning styles.



KANDUNGAN

	Muka surat
PENGAKUAN	i
PERAKUAN PENYELIA	ii
PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK	iv
ABSTRACT	v
SENARAI JADUAL	vi
SENARAI RAJAH	viii
SENARAI SINGKATAN-SINGKATAN DAN SIMBOL	ix

BAB 1 PENDAHULUAN

1.2	Pernyataan Masalah	5
1.3	Objektif Kajian	8
1.4	Persoalan Kajian	9
1.5	Hipotesis Kajian	9
1.6	Skop Kajian	10
1.7	Definisi Istilah	
1.7.1	Pencapaian akademik	11
1.7.2	Sekolah Menengah	11
1.7.2.1	Sekolah Kerajaan	11
1.7.2.2	Sekolah Bantuan Kerajaan/Modal	12
1.7.2.3	SMK Agama	12

1.7.3	Pelajar Sekolah Menengah	12
1.7.4	Gaya Pembelajaran	12
1.7.5	Prinsip Perakaunan	13
1.8	Kepentingan Kajian	14
1.9	Batasan Kajian	15

BAB 2 TINJAUAN LITERATUR

2.1	Pengenalan	16
2.2	Konsep Gaya Pembelajaran	17
2.3	Model-model Gaya Pembelajaran	
2.3.1	Myers-Briggs Type Indicator 1985	27
2.3.2	Hermann Brain Dominance Instrument (HBDI)	
2.3.3	Felder Dan Silverman	28
2.3.4	Dunn Dan Dunn (1992)	29
2.3.5	Honey Dan Mumford (1986)	29
2.3.6	Inventori Gaya Pembelajaran Kolb (1984)	30
2.4	Gaya Pembelajaran dengan Pencapaian	34
2.5	Kepentingan Gaya Pembelajaran	46
2.6	Rumusan Tentang Kajian-kajian Lepas	49

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pengenalan	50
3.2	Reka Bentuk Kajian	50
3.3	Kerangka Konseptual Kajian	51

3.4	Tempat Kajian	52
3.5	Populasi Dan Persampelan	53
3.6	Instrumen Kajian	53
3.6.1	Bahagian A: Faktor Demografi	54
3.6.2	Bahagian B: Soal Selidik Gaya Pembelajaran	54
3.7	Gred Pencapaian	56
3.8	Kajian Rintis	57
3.9	Kesahihan Dan Kebolehpercayaan Instrumen Kajian	57
3.9.1	Kebolehpercayaan Instrumen	59
3.10	Prosedur Pengumpulan Data	60
3.11	Prosedur Penganalisisan Data	61
3.12	Tata Cara Kajian	63
3.13	Rumusan	64

BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.1	Pengenalan	65
4.2	Analisis Ciri-ciri Demografi Responden	
4.2.1	Profil Mengikut Jantina	66
4.2.2	Profil Mengikut Etnik	66
4.2.3	Profil Mengikut Jenis Sekolah	67
4.2.4	Profil Mengikut Jurusan	67
4.2.5	Profil Mengikut Pendapatan Keluarga	68
4.2.6	Profil Mengikut Markah	68

4.3 Hasil Pengujian Soalan dan Hipotesis

4.3.1 Soalan 1.4.1:	69
---------------------	----

Apakah Gaya Pembelajaran yang Diamalkan oleh Pelajar-pelajar tingkatan empat dalam mata pelajaran Prinsip Perakaunan.

4.3.2 Soalan 1.4.2	72
--------------------	----

Apakah Gaya Pembelajaran Yang Dominan di Kalangan pelajar-pelajar tingkatan empat dalam mata pelajaran Prinsip Perakaunan.

4.4 Pengujian Hipotesis	73
-------------------------	----

4.5 Rumusan	89
-------------	----

BAB 5**PERBINCANGAN DAN RUMUSAN KAJIAN**

5.1 Pengenalan	90
----------------	----

5.2 Perbincangan Dapatan Kajian	90
---------------------------------	----

5.2.1 Tidak Wujud Hubungan Yang Signifikan Di Antara Semua Gaya Pembelajaran Dengan Pencapaian Pelajar

91

5.2.2 Tidak Wujud Hubungan Yang Signifikan Di Antara Semua Dimensi Gaya Pembelajaran Dengan Pencapaian Pelajar

93

5.2.3 Tidak Wujud Hubungan Yang Signifikan Dalam Semua Dimensi Gaya Pembelajaran Berdasarkan Jenis Sekolah

94

5.2.4 Tidak Wujud Perbezaan Min Yang Signifikan

Antara Gaya Pembelajaran Dengan Jantina 94

5.2.5 Tidak Wujud Perbezaan Min Yang Signifikan

Antara Gaya Pembelajaran Dengan Etnik 95

5.2.6 Tidak Wujud Perbezaan Min Yang Signifikan

Antara Gaya Pembelajaran Dengan Jurusan 96

5.2.7 Tidak Wujud Perbezaan Min Yang Signifikan

Antara Gaya Pembelajaran Dengan Pendapatan

Keluarga 96

5.3 Implikasi Dapatan Kajian 97

5.4 Cadangan 99

5.5 Cadangan Untuk Kajian Akan Datang 100

5.6 Rumusan 101

RUJUKAN 103

LAMPIRAN - Surat Kebenaran Daripada Bahagian Perancangan

Dan Penyelidikan Dasar Pendidikan (EPRD)

- Surat Kebenaran Daripada Jabatan Pendidikan

Negeri Perak

- Borang Soal Selidik

SENARAI JADUAL

Jadual	Muka Surat
1.1 Sekolah-sekolah Yang Dikaji	10
3.1 Skala Yang Digunakan Mengikut Permarkatan Likert	55
3.2 Perincian Item Soal Selidik	56
3.3 Gred dan Markah Bagi Pencapaian Pelajar	56
3.4 Nilai Pekali Alfa dan Matriks Inter Korelasi	58
3.5 Nilai Kebolehpercayaan Gaya Pembelajaran	60
3.6 Jenis Analisis Deskriptif dan Inferens Mengikut Persoalan dan Hipotesis Kajian	62
4.1 Ciri-ciri Demografi Responden Mengikut Jantina	66
4.2 Ciri-ciri Demografi Responden Mengikut Etnik	66
4.3 Ciri-ciri Demografi Responden Mengikut Jenis Sekolah	67
4.4 Ciri-ciri Demografi Responden Mengikut Jurusan	67
4.5 Ciri-ciri Demografi Responden Mengikut Pendapatan Keluarga	68
4.6 Ciri-ciri Demografi Responden Mengikut Markah	68
4.7 Gaya Pembelajaran Yang Diamalkan Oleh Pelajar	70
4.8 Min Skor Gaya Pembelajaran	72
4.9 Keputusan Ujian Korelasi Pearson Di Antara Semua Gaya Pembelajaran Dengan Pencapaian Pelajar	74
4.10 Ujian Korelasi Antara Empat Dimensi Gaya Pembelajaran Dengan Pencapaian Pelajar	76
4.11 Ujian ANOVA Perbandingan Min Semua Gaya Pembelajaran Berdasarkan Jenis Sekolah	78
4.12 Ujian Post-Hoc ANOVA LSD	79



4.13 Keputusan Ujian-t Perbandingan MinGaya Pembelajaran

Mengikut Jantina	81
------------------	----

4.14 Keputusan Ujian-t Perbandingan Min Gaya Pembelajaran

Mengikut Etnik	84
----------------	----

4.15 Keputusan Ujian-t Perbandingan Min Gaya Pembelajaran

Mengikut Jurusan	86
------------------	----

4.16 Keputusan Ujian-t Perbandingan Min Gaya Pembelajaran

Mengikut Pendapatan Keluarga	88
------------------------------	----



SENARAI RAJAH

Rajah	Muka Surat
2.1 Model Pengalaman Pembelajaran Kolb	30
2.2 Model Gaya Pembelajaran Kolb	32
3.1 Kerangka Konseptual Kajian	51

SENARAI SINGKATAN DAN SIMBOL

GP	Gaya Pembelajaran
RO	Pemerhatian Reflektif
AE	Pengujian Aktf
AC	Pengkonsepsian Abstrak
CE	Pengalaman Konkrit
SPSS	Statistical Package for Social Science
ANOVA	Analisis Varians Sehala
SPM	Sijil Pelajaran Malaysia
PMR	Penilaian Menengah Rendah
KBSM	Kurikulum Baru Sekolah Menengah
KBSR	Kurikulum Baru Sekolah Rendah
SMK	Sekolah Menengah Kebangsaan
<	Kurang daripada
>	Lebih daripada
r	Pekali korelasi
p	Aras Signifikan
dk	Darjah Kebebasan
%	Peratus

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Pendidikan sangat penting dalam kehidupan manusia. Sistem pendidikan di semua negara mempunyai matlamat atau hala tuju yang amat jelas. Hal ini penting kerana bidang pendidikan dijadikan medium paling berkesan untuk mencorakkan generasi rakyat yang mahu dilahirkan dalam tempoh beberapa tahun akan datang. Oleh itu, pelaksanaan sistem pendidikan negara pada hari ini sebenarnya berlandaskan kepada semangat dan objektif yang terkandung dalam Falsafah Pendidikan Negara.

Oleh itu dalam apa juar reformasi yang dilakukan dalam sistem pendidikan hari ini dan akan datang, ia tidak dapat lari dari usaha memenuhi matlamat Falsafah Pendidikan Negara bagi melahirkan insan yang seimbang dan harmonis (Mohd. Zahari, 2007).



Sebagai suatu kesinambungan kepada usaha pemantapan sistem pendidikan peringkat menengah, Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR) telah dilanjutkan pula kepada Kurikulum Baru Sekolah Menengah (KBSM) pada tahun 1988 yang telah dilengkapskan sepenuhnya pada tahun 1994, dan dengan itu Malaysia telah mencapai kesepaduan pendidikan (Mohd Zahari, 2007) yang memberi satu dimensi baru dalam proses pengajaran dan pembelajaran (Wan Zahid, 1993).

Menurut Mohd. Zahari (2007) pelaksanaan sistem pengajaran dan pembelajaran berdasarkan KBSR dan KBSM ternyata mempunyai banyak keberkesanan kepada pelajarnya. Ini kerana proses pembelajaran adalah lebih berpusatkan kepada pelajar manakala pembelajaran yang tertumpu kepada guru perlu dihapuskan ataupun dikurangkan (Wan Zahid, 1993).



Walaubagaimanapun, menurut Shahabuddin dan Rohizani (2003), untuk mendidik seseorang pelajar bukanlah suatu perkara mudah. Individu yang bergelar pelajar sememangnya mempunyai perbezaan daripada pelbagai segi. Kebolehan dan tahap pencapaian akademik juga mempunyai perbezaan. Perbezaan individu ini diperhatikan dalam pelbagai bidang seperti kurikulum, pengajaran guru, psikologi perkembangan, gaya pembelajaran dan sebagainya.

Kayu ukur kecemerlangan yang berasaskan pencapaian akademik menyebabkan kebanyakan pelajar meletakkan sasaran yang tinggi untuk dicapai dalam peperiksaan, tetapi perbezaan individu ini menyebabkan kita sering kali mendengar rungutan daripada pelajar disebabkan tidak puas hati setiap kali keputusan peperiksaan diumumkan. Mereka mengulangkaji pelajaran sama seperti pelajar yang



lain tetapi hasil yang diperolehi seolah-olah tidak mencerminkan daya usaha sebenar mereka. Lebih menambahkan tekanan kepada mereka ialah apabila ada rakan yang mengulangkaji pelajaran dengan peruntukan masa yang sedikit tetapi memperolehi keputusan yang membanggakan.

Justeru, itu untuk mempertingkatkan pencapaian akademik pelajar, gaya pembelajaran pelajar dan gaya pengajaran guru perlu diberi tumpuan bagi menjamin pemantapan kualiti pendidikan negara kearah mencapai matlamat Wawasan 2020.

Plato pernah menyatakan bahawa semua proses pelajaran yang diberikan kepada kanak-kanak tidak boleh dilakukan secara paksa semasa mereka masih muda dan mereka mesti meneruskan pelajaran mengikut cara mereka sendiri dengan cara bermain-main dan bekerjasama. Untuk menyampai satu-satu pendidikan yang akan diterimanya, maka yang pentingnya ialah kanak-kanak itu mesti dilatih membuat apa yang mereka suka (Sulaiman Hamzah, 1970 dalam Abdul Razak dan Abdullah, 1999).

Keefe (1987), menyatakan gaya pengajaran tidak komprehensif iaitu sekadar memberi tumpuan kepada kaedah pengajaran guru semata-mata, jelas menunjukkan , iaitu tiada program pendidikan yang berjaya tanpa perhatian kepada keperluan individu pelajar.

Daripada perspektif sosiologi, Abdul Razak dan Abdullah (1999) memetik idea Gross (1976) menyatakan bahawa perhubungan pembelajaran yang berlaku dalam konteks formal di sekolah perlu memperkenalkan kesinambungan dan integrasi di

antara guru dan pelajar untuk membawaikan pendidikan yang terbaik dan berkesan bagi pelajar. Oleh itu, penggunaan satu gaya pengajaran sahaja tidak membantu kejayaan program pendidikan (Dunn & Dunn, 1978).

Kolb (1976) mengatakan bahawa salah satu faktor kegagalan seseorang individu dalam pembelajaran ialah tidak memahami proses pembelajaran dirinya iaitu gaya pembelajarannya. Kita perlu faham bahawa kejayaan pembelajaran seseorang bukan hanya dapat menyiapkan kerja sekolah dan mendapat keputusan yang baik dalam peperiksaan sahaja. Ianya merangkumi satu lingkungan yang luas kerana pembelajaran itu adalah seumur hidup.

Gaya pembelajaran seseorang pelajar dapat dikenali dengan memerhati perlakuannya yang nyata. Oleh itu, gaya pembelajaran merupakan perlakuan yang konsisten yang mana dapat mencerminkan perkara-perkara yang mendasari pembelajaran (Keefe, 1987). Dalam konteks memahami sifat seseorang pelajar, gaya pembelajaran menjadi indikator bagaimana seseorang pelajar belajar dan cara belajar yang digemarinya. Gaya pembelajaran boleh dianggap sebagai strategi pengajaran kerana pemahaman tentang gaya pembelajaran seseorang pelajar memberikan maklumat tentang kognisi konteks dan kandungan pembelajaran. (Razak dan Abdullah, 1999).

Sharifah Md. Nor (2000) menyatakan setiap individu mempunyai gaya tersendiri untuk belajar. Manusia berbeza dari segi cara mereka melihat sesuatu (*perceive*), membuat keputusan dan cara mereka berinteraksi. Oleh sebab itu, para guru perlu peka kepada gaya pembelajaran pelajarnya supaya setiap pelajar dapat

merealisasikan potensinya setinggi mungkin. Bagaimakah proses pembelajaran berlaku, bagaimakah seseorang pelajar menyerap maklumat, berfikir dan menilai hasilan maklumat semuanya penting diperhatikan oleh para guru yang bertindak sebagai fasilitator atau pembimbing kepada pelajar.

Bennet (1990) dalam Sharifah (2000) menyarankan empat strategi untuk mengenalpasti gaya pembelajaran iaitu; a) dimensi gaya pembelajaran pergantungan (field independence-dependence), b) keperluan pelajar untuk struktur, iaitu tahap bimbingan yang diperlukan, c) *perceptual modality* dan d) inventori gaya pembelajaran yang mengenal pasti faktor persekitaran, emosi, sosiologi dan fizikal yang mempengaruhi pembelajaran dan empati dengan mengenal pasti hubungan budaya dan gaya pembelajaran.

Sharifah (2000) berpendapat lazimnya, kebanyakan guru-guru mengajar mengikut gaya pembelajaran mereka sendiri; ini mungkin tidak sesuai dengan keperluan pelajar mereka. Prestasi pelajar akan meningkat jika mereka berasa seronok belajar dan mendapati mereka boleh menggunakan cara mereka tersendiri yang paling berkesan untuk belajar.

1.2 Pernyataan Masalah

Prinsip Perakaunan merupakan mata pelajaran elektif dalam KBSM di bawah kumpulan Vokasional dan Teknologi yang ditawarkan kepada murid Tingkatan Empat dan Lima. Pendekatan yang digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran Prinsip Perakaunan pada masa kini adalah berpusatkan guru dan latih tubi secara individu. Namun begitu, tidak semua pelajar dapat mengikuti pendekatan

tersebut dengan baik dan berkesan. Menerusi maklumat guru-guru Prinsip Perakaunan dan pengalaman pengkaji sendiri sebagai guru Prinsip Perakaunan selama lebih kurang 17 tahun, didapati wujud pelbagai jenis kebolehan pelajar iaitu terdapat pelajar yang lemah dalam perkara-perkara yang tidak melibatkan pengiraan tetapi cemerlang dalam pengiraan, tetapi ada pelajar yang cemerlang dalam perkara yang tidak melibatkan pengiraan tetapi lemah dalam pengiraan, terdapat pelajar-pelajar yang lemah di dalam kedua-dua aspek dan juga ada pelajar-pelajar yang dapat menguasai kedua-dua aspek tersebut.

Selain itu, terdapat persepsi pelajar bahawa Prinsip Perakaunan adalah mata pelajaran yang susah dan hanya pelajar yang pandai sahaja boleh berjaya di dalam mata pelajaran Prinsip Perakaunan. Situasi ini menyebabkan pelajar-pelajar tidak berminat untuk belajar, apalagi mereka tidak ada panduan atau cara belajar yang berkesan bagi meningkatkan pencapaian mereka,

Sebaliknya, suasana di dalam kelas hari ini lebih berorientasikan peperiksaan iaitu memberi penekanan kepada pencapaian akademik sahaja dan kaedah pengajaran dan pembelajaran yang digunakan di dalam kelas juga menjadi faktor penyumbang kepada gaya pembelajaran pelajar dan pencapaian pelajar.

Gaya dan strategi belajar yang tepat dan sesuai ialah faktor penting kepada kecemerlangan pelajar di dalam sesuatu peperiksaan. Abu Talib Abdullah (1998) juga bersetuju dengan pendapat ini, yang menyatakan bahawa pemilihan gaya dan strategi pembelajaran yang sesuai dapat meningkatkan pencapaian dalam peperiksaan.



Perubahan ini jelas menunjukkan adanya kesedaran tentang pentingnya faktor pelajar dalam proses pengajaran dan pembelajaran dan ini sejajar dengan perkembangan dalam trend pendidikan terkini di mana tahun-tahun 1990an adalah suatu era yang memberi fokus berbeza dalam bidang pendidikan. Fokus berbeza yang dimaksudkan itu ialah keperihatinan terhadap pelajar dan ini merangkumi persepsi kendiri, pengalaman pembelajaran dan juga gaya pembelajaran pelajar. Dengan bermulanya tumpuan terhadap gaya pembelajaran yang diutarakan dalam pengajaran dan pembelajaran, ini bererti usaha yang sejajar pula perlu diambil untuk memantapkan pengetahuan tentang aspek yang dititiberatkan ini. Masalahnya sekarang ialah, sama ada kita telah mempunyai pengetahuan yang mencukupi untuk membantu pelajar kita dalam proses pengajaran dan pembelajaran?. Persoalan yang timbul juga ialah sama ada kita telah mengemaskinikan segala maklumat yang diperlukan untuk membolehkan para guru, ibu bapa dan pelajar sendiri memahami dengan mendalam tentang gaya pembelajaran, sebagai satu daripada aspek yang semakin dititikberatkan dalam trend pendidikan masa kini. Memandangkan sebegini banyak kajian-kajian yang dijalankan di luar negara tentang gaya pembelajaran, persoalannya ialah sudahkan cukup luas dan mendalam usaha yang diambil oleh pengkaji tempatan untuk memantapkan pengetahuan tentang aspek ini. Bagi menjamin kejayaan pelajar dalam sistem pendidikan serupa ini, walaupun pada dasarnya perancangan mengajar yang mengambilkira perbezaan-perbezaan pelajar untuk disesuaikan dengan strategi pembelajaran adalah digalakkan, tetapi sebenarnya pemahaman guru tentang gaya pembelajaran adalah sangat kurang. (Robiah, 1996).

Apabila pelajar telah membuat pilihan dalam melaksanakan sesuatu tugas dan jika mereka mendapati mereka berkebolehan menguasai dan melaksanakan sesuatu



tugasan itu dengan baik melalui gaya pembelajaran yang mereka miliki, akan mewujudkan rasa keyakinan yang tinggi dalam diri para pelajar.

1.3 Objektif Kajian

Berdasarkan pernyataan di atas, kajian ini dijalankan untuk meninjau kepelbagaiannya dalam gaya pembelajaran pelajar yang terdapat di kalangan pelajar tingkatan empat. Pelajar-pelajar dapat mengenalpasti gaya pembelajaran mereka sendiri berdasarkan instrumen yang digunakan dalam kajian iaitu Inventori Gaya Pembelajaran Kolb (1984).

Memandangkan faktor-faktor kepentingan gaya pembelajaran yang semakin dititikberatkan dalam usaha meningkatkan pencapaian pelajar-pelajar dan sejajar pula dengan perkembangan trend pendidikan terkini dan kurangnya kajian yang dijalankan tentang perkara ini, kajian ini dijalankan dengan tujuan berikut:

- a) mengenal pasti gaya pembelajaran pelajar-pelajar tingkatan empat dalam mata pelajaran Prinsip Perakaunan
- b) mengenal pasti gaya pembelajaran yang dominan di kalangan pelajar-pelajar tingkatan empat dalam mata pelajaran Prinsip Perakaunan.
- c) mengenalpasti sama ada wujud hubungan yang signifikan di antara gaya pembelajaran pelajar dan dimensi gaya pembelajaran dengan pencapaian akademik.
- d) mengkaji sama ada wujud perbezaan min dalam gaya pembelajaran berasaskan faktor-faktor demografi seperti jantina, etnik, jurusan pengajian, jenis sekolah dan pendapatan ibu bapa bagi mata pelajaran Prinsip Perakaunan bagi pelajar-pelajar tingkatan empat.

1.4: Persoalan Kajian

Secara spesifiknya, kajian ini cuba menjawab persoalan berikut:-

- a) Apakah gaya pembelajaran yang diamalkan oleh pelajar-pelajar tingkatan empat dalam mata pelajaran Prinsip Perakaunan?
- b) Apakah gaya pembelajaran yang dominan di kalangan pelajar-pelajar tingkatan empat dalam mata pelajaran Prinsip Perakaunan?
- c) Adakah wujud hubungan yang signifikan di antara semua gaya pembelajaran dan semua dimensi gaya pembelajaran dengan pencapaian pelajar?
- d) Adakah wujud perbezaan berdasarkan faktor demografi seperti jantina, etnik, jurusan, jenis sekolah dan pendapatan ibu bapa dalam gaya pembelajaran bagi mata pelajaran Prinsip Perakaunan bagi pelajar-pelajar tingkatan empat?.

1.5: Hipotesis Kajian

Bagi menjawab persoalan kajian c dan d, 7 hipotesis nul telah dibentuk. Kajian ini juga akan mengambilkira beberapa pembolehubah yang terlibat dalam melihat kewujudan hubungan di antara satu dengan lain atau sebaliknya. Antaranya ialah:

Hipotesis Nul 1: Tidak wujud hubungan yang signifikan di antara semua gaya pembelajaran dengan pencapaian pelajar.

Hipotesis Nul 2: Tidak wujud hubungan yang signifikan di antara semua dimensi gaya pembelajaran dengan pencapaian pelajar.

Hipotesis Nul 3: Tidak wujud hubungan yang signifikan di antara semua dimensi gaya pembelajaran berdasarkan jantina.

Hipotesis Nul 4: Tidak wujud perbezaan yang signifikan di antara semua gaya pembelajaran mengikut jantina.

Hipotesis Nul 5: Tidak wujud perbezaan yang signifikan di antara semua gaya pembelajaran mengikut etnik.

Hipotesis Nul 6: Tidak wujud perbezaan yang signifikan di antara semua gaya pembelajaran mengikut jurusan.

Hipotesis Nul 7: Tidak wujud perbezaan yang signifikan di antara semua gaya pembelajaran mengikut pendapatan keluarga.

1.6: Skop Kajian

Kajian ini dijalankan di tujuh buah sekolah menengah yang terletak di daerah Kinta, Perak. Sekolah-sekolah tersebut ialah:

Jadual 1.1
Sekolah-sekolah Yang Dikaji

Nama Sekolah	Jenis Sekolah
SMK Sultan Yussuf Bt. Gajah	Kerajaan
SMK Tanjong Rambutan	Kerajaan
SMK Bercham	Kerajaan
SMK Poi Lam	Bantuan Modal/Kerajaan
SMK Perempuan Perak	Bantuan Modal/Kerajaan
Sekolah Raja Perempuan Ta'ayah	Agama
Maahad Al-Ummah, Chemor	Agama



1.7: Definisi istilah

1.7.1 Pencapaian akademik

Kamus Dewan Bahasa Edisi Ketiga (2002) mendefinisikan, pencapaian sebagai apa yang telah dicapai ataupun prestasi.

Pencapaian akademik ialah skor-skor dan gred-gred yang diperoleh oleh para pelajar dalam sesuatu ujian atau peperiksaan. Ia juga membawa maksud prestasi atau tingkat kecekapan yang diperolehi melalui pengajian atau pembelajaran di sekolah dengan cara penilaian, ujian atau peperiksaan.

Dalam konteks kajian ini, pencapaian akademik merujuk kepada keputusan ujian bulanan pada peringkat sekolah yang telah dicapai oleh para pelajar, berdasarkan jumlah besar dan peratus keseluruhan mata pelajaran Prinsip Perakaunan yang telah diambil dalam ujian tersebut.

1.7.2 Sekolah Menengah

Menurut Pages (1977) dalam Nazrah Jamaluddin, 2003), sekolah menengah ialah sekolah yang memberikan pendidikan sekunder setelah pelajar mengikuti pendidikan di sekolah rendah.

1.7.2.1 Sekolah Kerajaan

Sekolah-sekolah yang ditubuhkan dan diselenggarakan sepenuhnya oleh Menteri Pelajaran. Tanah dan bangunan adalah hak milik Kerajaan Persekutuan serta mendapat sumbangan bantuan penuh daripada Kementerian Pelajaran. (Sumber: Kementerian Pelajaran, 1998).



1.7.2.2 Sekolah Bantuan Kerajaan/Modal

Sekolah-sekolah yang menerima sebahagian modal dan sumbangan bantuan penuh daripada Kementerian Pelajaran. Sekolah ini dipanggil sekolah bantuan kerajaan atau bantuan modal. (Sumber: Kementerian Pelajaran, 1998).

1.7.2.3 Sekolah Menengah Kebangsaan Agama

Sekolah menengah yang ditadbir oleh Bahagian Sekolah Kementerian Pelajaran dan program diselia oleh Jabatan Pendidikan Islam dan Moral (JAPIM) Sumber: Kementerian Pelajaran, 1998).

1.7.3 Pelajar Sekolah Menengah

Kamus Dewan Bahasa Edisi Ketiga (2002) menyatakan pelajar bermaksud orang yang belajar seperti murid sekolah, penuntut di maktab dan sebagainya. Juga bermaksud orang yang mengkaji atau menyelidiki ilmu.

1.7.4 Gaya Pembelajaran

Kamus Dewan Bahasa Edisi Ketiga (2002) mentakrifkan gaya sebagai sikap, kesukaan, ketaksukaan dan cara kelakuan menjadi ciri seseorang.

Pembelajaran pula dimaksudkan sebagai proses (kegiatan) belajar (Kamus Dewan Bahasa Edisi Ketiga, 2002).

Kajian ini menggunakan Gaya Pembelajaran Model Kolb (1984) dan di antara konsep utama gaya Pembelajaran Model Kolb ialah pembelajaran dianggap sebagai proses *holistic* dan tidak ada titik akhirnya. Proses pembelajaran akan menunjukkan



dengan jelasnya cara-cara bagaimana pengetahuan diperolehi dan dicipta melalui interaksi seseorang itu dengan persekitarannya.

Kolb mengidentifikasi empat domain jenis gaya iaitu akomodator, diverger, konverger dan assimilator. Akomodator adalah gabungan Pengkonsepsian Abstrak (AC) dan Pengujian Aktif (AE), diverger adalah gabungan Pengalaman Konkrit (CE) dan Pemerhatian Reflektif (RO). Konvenger pula adalah gabungan Pengkonsepsian Abstrak (AC) dan Pengujian Aktif (AE) manakala assimilator adalah gabungan Pengkonsepsian Abstrak (AC) dan Pemerhatian Reflektif (RO).

1.7.5 Prinsip Perakaunan

Arumugan (1986) dan Sukumaran (1991) berpendapat “pendidikan perakaunan adalah satu pengajaran mengenai semua peraturan-peraturan atau prinsip-prinsip tentang perekodan angka dalam nilai-nilai kewangan”.

Berdasarkan takrif perakaunan yang diberikan oleh Skousen, Langenderfe dan Albrecht (1993), pendidikan perakaunan boleh dianggap sebagai satu bidang ilmu berkaitan dengan pemahaman dan kemahiran pelajar dalam mengumpul, mengukur dan menyampaikan maklumat.

Di antara istilah yang digunakan untuk pendidikan perakaunan di dalam sistem pendidikan di Malaysia ialah simpan kira, prinsip akaun dan perakaunan. Perbezaan tersebut lebih merujuk kepada setakat mana tajuk-tajuk di dalam perakaunan diliputi mengikut tahap pendidikan (Arumugan, 1986; Sukumaran, 1991)





1.8: Kepentingan Kajian

Kajian ini dianggap penting kepada para guru yang merupakan penggerak dan pendorong utama kepada pelajar untuk mengenalpasti gaya pembelajaran pelajar dan tahap pencapaian akademik mereka. Maklumat ini amat berguna dan penting kepada guru kerana pengetahuan tentang gaya pembelajaran pelajar dan tahap pencapaian akademik akan memberi maklumbalas kepada guru berkaitan dengan keberkesanan gaya pengajaran. Para guru perlu memahami gaya pembelajaran pelajar dan menerima perbezaan yang ada pada diri pelajar itu sebagai satu keistimewaan dan keunikan yang tersendiri. Pengetahuan sedemikian akan dapat membantu guru dalam merancang pengajarannya bagi memastikan pelajar-pelajarnya berjaya dan berkualiti.



Dapatkan kajian ini juga diharapkan dapat membantu pelajar mengenalpasti gaya pembelajaran dan tahap pencapaian akademik masing-masing. Ini membolehkan mereka menggunakan sepenuhnya gaya pembelajaran mengikut kecenderungan sendiri untuk meningkatkan pencapaian akademik mereka. Pengetahuan tentang gaya pembelajaran juga, dapat menambahkan pengetahuan tentang gaya pengajaran yang mereka praktikkan dan memberi mereka peluang untuk menyesuaikan gaya pembelajaran mereka dengan gaya pengajaran guru dan tidak hanya bergantung kepada satu gaya pembelajaran yang mereka gemari sahaja. Penyesuaian gaya pembelajaran pelajar akan menjurus kearah peningkatan tahap pencapaian akademik.

Sekolah juga boleh mendapat manfaat daripada kajian ini kerana ia dapat memberi gambaran tentang langkah-langkah yang perlu diambil bagi menyediakan



persekitaran yang sesuai dengan kepelbagaian gaya pembelajaran yang wujud di kalangan pelajar. Para pelajar dapat meningkatkan pencapaian akademik mereka dan secara tidak langsung juga dapat meningkatkan keberkesanan proses pengajaran dan pembelajaran.

1.9: Batasan Kajian

Kajian ini terhad kepada tujuh buah sekolah di Daerah Kinta Perak dan ianya tidak mencerminkan secara langsung amalan gaya pembelajaran pelajar dan hubungannya dengan pencapaian akademik mereka di sekolah-sekolah menengah lain di Malaysia.

Di samping itu, data yang diperoleh pula hanyalah berdasarkan tindak balas responden terhadap soal selidik yang diedarkan. Manakala, dapatan yang diperolehi pula mungkin melaporkan situasi yang sebenarnya wujud di tujuh buah sekolah di Daerah Kinta, Perak yang dikaji.

Memandangkan pencapaian akademik diukur daripada pencapaian pelajar dalam peperiksaan pertengahan tahun sekolah dan tidak dalam peperiksaan awam seperti Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), menyebabkan piawaian yang ditetapkan dalam peperiksaan awam tidak digunakan. Keputusan pencapaian akademik hanya relevan dalam konteks sekolah-sekolah yang dikaji.